

Konsep Kerja sebagai Ibadat Menurut Perspektif Islam

Atikullah Hj. Abdullah

Abstrak

Pengertian ibadat kadangkala disempitkan kepada beberapa amalan ritual yang jelas dinyatakan dalam nas untuk dilakukan pada masa tertentu dan dengan cara yang tertentu sahaja. Aktiviti ibadat ini mesti dilakukan mengikut garis panduan tertentu yang ditetapkan oleh syariat Islam. Kerja-kerja mencari nafkah pula sama ada di kilang, pejabat, sawah ladang, laut samudera atau sebagainya dianggap sebagai pekerjaan dunia semata-mata bertujuan untuk mencari nafkah bagi mengisi perut sendiri dan ahli keluarga. Dengan itu, ia terkeluar sama sekali dari garis panduan serta lingkungan ajaran agama dan tidak layak dianggap sebagai ibadah. Ini adalah antara pandangan yang popular dalam kalangan sebahagian ahli masyarakat Islam khususnya di negara ini. Pandangan ini sebenarnya menggambarkan satu kekeliruan yang besar terhadap beberapa konsep penting yang berkaitan. Untuk itu sedikit perbincangan akan dilakukan terhadap beberapa konsep yang berkaitan seperti konsep ibadat, konsep mu'amalah (adat) dan konsep kerja menurut perspektif Islam. Artikel ini juga akan menghujahkan bahawa pemikiran pemisahan (dualisme) dalam kehidupan antara agama dengan dunia sebenarnya berpunca daripada menebalnya fahaman sekularisme dalam masyarakat kita.

Kata kunci: konsep ibadat; konsep kerja; konsep muamalah; dualisme; kesepadan ibadat.

Abstract

The notion of ibadah, worship in Islam has often been mistakenly restricted to some rituals conducts which are clearly mentioned in the texts of the Qur'an and hadith. Therefore, these rituals must be conducted precisely according to what have been described in those texts. On the other hand, other daily activities to support our life are considered as worldly activities which have no relationship whatsoever with religious teachings, thus not considered as acts of ibadah. This misunderstanding is actually a result of some confusion regarding some important related concepts such as ibadah, mu'amalah and others according to the Islamic perspective. It is also arguably that the philosophy of dualism in the way people look at their worldly life and religious life is actually a manifestation of the strong grip of secularism which has been deeply rooted in our society.

Key words: the concept of ibadah; the concept of works; the concept of muamalah; dualism; integrated worship.

Pendahuluan

Kesalahfahaman sebahagian masyarakat kita di Malaysia tentang konsep agama, dunia, ibadat, kerja dan seumpamanya mengakibatkan kesan yang buruk bukan sahaja terhadap prestasi amal ibadat asasi dan khususi mereka, tetapi juga terhadap prestasi pekerjaan harian dan karier mereka (Abdul Razak 2000; Haslinda 2000). Jika dalam amal ibadat khusus, mereka begitu prihatin dengan kualiti dan peraturannya dilakukan kerana Allah s.w.t. yang menetapkan peraturannya serta menjadi pemerhatinya, tetapi dalam pekerjaan harian ia dibuat sesuka hati kerana tiada kaitan dengan perintah Allah s.w.t.. Fahaman seperti ini memungkinkan berlakunya banyak penyelewengan dan pecah amanah dalam melaksanakan tanggungjawab sesama manusia (al-Ashqar 2001; Abdul Razak

2000; Haslinda 2000). Fahaman ini, sama ada disedari atau tidak merupakan manifestasi kepada falsafah sekularisme yang telah lama tersebar dalam masyarakat. Kerana itu, artikel ini terlebih dahulu memberikan gambaran ringkas tentang pengaruh sekularisme sebelum membincangkan beberapa konsep berkaitan seperti ibadah, muamalah, adah dan selanjutnya melihat hubungan antara kerja-kerja kehidupan sehari-hari dengan konsep dan skop ibadah seperti yang sebenarnya difahami dalam Islam.

Asas Fahaman Dualisme dalam Kehidupan

Dualisme menurut Kamus Dewan (Edisi keempat 2005) bermaksud fahaman yang berdasarkan dua prinsip yang saling bertentangan seperti antara kebaikan dengan kejahanan dan antara terang dengan gelap atau keadaan apabila wujud dua sifat yang ketara saling bertentangan pada diri seseorang. Dalam konteks di negara ini, istilah dualisme banyak dikaitkan dengan sistem pendidikan menjadikan frasa 'dualisme dalam pendidikan' satu ungkapan yang sangat popular dalam kalangan pengkaji sistem pendidikan Islam dan perbandingannya dengan sistem pendidikan umum (Zainal Abidin 1993; Ghazali 1986; Abdul Halim 1994; Crystal et. al. 2011). Frasa dualisme dalam kehidupan yang digunakan dalam artikel ini merujuk kepada fahaman yang mempercayai bahawa dalam kehidupan sehari-hari, wujudnya pemisahan antara urusan untuk kepentingan kehidupan di dunia dengan urusan untuk kepentingan di akhirat. Ini bermakna urusan keduniaan itu tiada kaitan dengan akhirat. Urusan dunia juga bebas daripada kawalan hukum hakam keagamaan, manakala urusan akhirat pula tiada kaitan dan bebas daripada urusan dan undang-undang dunia.

Asas fahaman dualisme dalam kehidupan seperti yang diuraikan di sini jelas sekali berakar umbi daripada fahaman sekularisme yang mempunyai kaitan dengan sejarah perkembangan pemikiran politik Barat sebagai reaksi kepada dominasi gereja dalam abad-abad pertengahan. Sekularisme berteraskan fahaman pemisahan agama daripada kehidupan (*faṣl al-din ‘an al-hayah*) atau satu sistem politik atau falsafah sosial yang menolak sebarang bentuk kepercayaan agama dan peribadatan; atau pandangan yang mempercayai bahawa sebarang urusan yang berkaitan dasar dan kehidupan awam mesti dipisahkan daripada semua bentuk unsur-unsur keagamaan. Lanjutan daripada fahaman sekularisme yang pada asalnya lebih merujuk kepada pemisahan agama daripada urusan penggubalan polisi dan pentadbiran negara, berlaku pula fahaman dan tindakan yang membezakan antara urusan untuk kehidupan dunia dengan urusan untuk kepentingan akhirat. Antara perbezaannya ialah urusan untuk kehidupan akhirat ditentukan kaedahnya, waktunya dan tempatnya dalam kitab suci agama dan dinamakan ibadat, manakala urusan kehidupan di dunia ditentukan mengikut kehendak dan kepentingan manusia. Dari sinilah berlakunya pemisahan antara ibadat dengan aktiviti kehidupan sehari-hari manusia. Berbeza dengan ibadat, dalam hal aktiviti kehidupan sehari-hari, manusia bebas melakukannya mengikut selera dan kepentingan mereka tanpa terikat dengan undang-undang agama. Jelas sekali fahaman ini disepakati oleh semua ulama dan pemikir Islam sebagai bercanggah dengan doktrin kesyumannan ajaran Islam (al-Qaradawi 1977; 1999; al-Attas 1978; al-Nabhani 1953).

Ibadat, Muamalah dan Kerja Menurut Islam

Ibadat

Menurut kamus Lisan al-'Arab, *al-ibadah* dari segi bahasa berasal daripada *al-tazallul* iaitu menghinakan diri dan *al-khudū'* iaitu tunduk atau rendah diri (Ibn Manzur 1999). Setiap ketundukan dan kepatuhan yang diberikan secara mutlak dan mengatasi segala ketundukan dan kepatuhan maka ia dianggap sebagai ibadah. Oleh itu setiap ketaatan kepada Allah s.w.t. yang dilakukan dengan penuh kepatuhan, ketundukan dan penghinaan diri maka ia dianggap sebagai ibadah. Ketaatan dan kepatuhan yang mutlak dan tertinggi ini tidak boleh diberikan kepada sesiapa juga selain dari Allah s.w.t.. Ini adalah kerana ibadah hanya layak diberikan kepada sesiapa yang mampu

menganugerahkan nikmat yang tertinggi yang tidak mampu diberikan oleh orang lain seperti nikmat hidup, nikmat memahami, mendengar dan melihat. Nikmat-nikmat ini tidak mampu diberikan oleh sesiapa juga kecuali Allah s.w.t.. Oleh itu, hanya Allah s.w.t. yang layak ditumpukan ibadah (al-Mawdudi t.th.).

Antara ulama silam yang banyak membincangkan pengertian konsep ibadah secara khusus dan mendalam ialah Ibn Taymiyyah. Perkataan ibadah menurut Ibn Taymiyyah (1387H) merupakan satu nama yang mencakupi semua perkara yang disukai oleh Allah s.w.t. dan diredaya sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan, batin atau zahir. Berdasarkan definisi ini, al-Ashqar (2001) menyatakan bahawa keseluruhan agama Islam atau *al-din* itu sendiri termasuk dalam konsep umum ibadah. Oleh kerana *al-din* itu ialah semua ajaran Allah s.w.t. sama ada untuk dilaksanakan atau ditinggalkan dan tidak ada satu pun bidang kehidupan manusia yang tidak termasuk dalam ruang lingkup *al-din*, maka dengan itu tidak ada satu pun aktiviti hidup manusia yang tidak boleh dimasukkan ke dalam kerangka konsep ibadat menurut Islam.

Al-Qaradawi (1993) dalam membincangkan kesyumulan konsep ibadat dalam Islam menyebutkan bahawa ia meliputi kehidupan seluruhnya dan tidak terbatas kepada syiar-syar *ta'abbudiy* yang tertentu sahaja seperti sembahyang, zakat, puasa, haji dan sebagainya bahkan ia meliputi setiap aktiviti untuk kemajuan hidup dan yang memberi kebahagiaan kepada manusia. Al-Ashqar (2001) menyimpulkan bahawa ibadat itu ialah seseorang muslim itu menjadikan kesemua perbuatan, perkataan, urusan hidup dan hubungan dengan manusia lain mengikut prinsip dan garis panduan yang diwahyukan oleh Allah s.w.t., disertakan dengan kesedaran sebagai mentaati perintah Allah s.w.t. dan menyerahkan diri kepadanya. Ini bermakna semua aktiviti manusia yang tidak bercanggah dengan kehendak Allah s.w.t. dan rasul-Nya yang dilakukan dengan penuh kesedaran, ketataatan dan kecintaan kepada Allah s.w.t. digolongkan dalam pengertian ibadah.

Mu'amalah ('Adah)

Perkataan muamalah atau *al-'adat* secara lazimnya digunakan bagi memberi maksud sebarang aktiviti manusia yang tidak termasuk dalam kategori ibadat yang asasi atau ibadat khusus. Ini bermakna muamalah atau adah dalam pengertiannya yang luas mencakupi aspek-aspek politik, ekonomi, sosial, kekeluargaan, perundangan, jenayah dan sebagainya. Disebabkan itu, dalam kalangan fuqaha silam, bidang kehidupan manusia dipecahkan kepada dua sahaja iaitu ibadah dan muamalah atau 'adah (al-Shatibi t.th.; al-Suyuti 1983). Ibadah merujuk secara spesifik kepada amalan yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. secara wajib atau sunat dalam nas dan dikenali sebagai ibadat yang asasi dan ibadat khususi, manakala selain daripada itu semuanya dimasukkan dalam kategori muamalah atau 'adah. Bagaimanapun, para ulama muta'akhir membahagikan aktiviti hidup manusia secara lebih terperinci iaitu ibadah, muamalah (harta dan pertukaran), munakahah (peraturan kekeluargaan dan pewarisan) dan jinayah (kesiksaan) (Shaltut 1966). Dalam konteks perbincangan ini, perkataan muamalah yang dimaksudkan adalah merujuk kepada ruang lingkup yang difahami menurut para ulama silam iaitu aktiviti hidup manusia yang selain daripada aktiviti ibadah dalam pengertiannya yang khusus dan asasi.

Kerja

Kerja atau pekerjaan yang dimaksudkan dalam artikel ini merujuk kepada sesuatu yang diusahakan (dilakukan berterusan) kerana mencari nafkah (Kamus Dewan 2005). Definisi ini jelas sekali mengaitkan perkataan kerja atau pekerjaan dengan aktiviti sehari-hari yang dilakukan oleh setiap individu sebagai satu usaha untuk mencari nafkah dan sara hidup sama ada bagi dirinya atau tanggungannya. Sebarang aktiviti yang dilakukan secara berterusan untuk mencari rezeki sama ada sebagai petani, nelayan, pekerja kilang, kakitangan kerajaan, peniaga dan sebagainya adalah termasuk dalam kategori kerja atau pekerjaan. Dalam konteks pembahagian aktiviti hidup manusia, sebarang pekerjaan yang disebutkan di atas termasuk dalam kategori muamalah atau adah menurut pembahagian fuqaha' silam. Dengan itu perbincangan yang akan difokuskan dalam artikel ini ialah

pertama, apakah pekerjaan yang disebutkan di atas boleh dikira atau boleh dijadikan sebagai ibadat yang diberi pahala oleh Allah s.w.t., dan kedua apakah ia juga turut terikat dengan peraturan-peraturan syariat atau ia bebas mengikut kebijaksanaan dan budi bicara manusia sahaja.

Hubungan antara Ibadah, Mu'amalah ('Adah) dengan Kerja

Pembahagian bidang kehidupan seperti yang dilakukan oleh para ulama iaitu antara ibadah dengan mu'amalah atau 'adah ini telah gagal difahami dengan betul oleh sebahagian ahli masyarakat atau sengaja dikelirukan oleh sesetengah pihak yang tertentu. Berdasarkan pembahagian ini, ternampak seolah-olah wujud pemisahan antara bidang ibadat dan bidang mu'amalah menurut para fuqaha' silam. Dalam konteks kekeliruan inilah sering terdapat pandangan yang menyatakan bahawa bidang ibadat merupakan bidang yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. dan mesti dilaksanakan sepenuhnya mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan rasul-Nya, manakala bidang mu'amalah pula ialah bidang yang meliputi aktiviti kehidupan manusia seharian yang tiada kaitan dengan hukum hakam syariat. Dengan itu, terpulang kepada manusia untuk melaksanakannya mengikut kebijaksanaan dan budi bicara mereka sendiri tanpa perlu terikat dengan apa-apa panduan dari syariat Islam.

Pandangan ini bukan sahaja salah tetapi merbahaya kerana ia menyempitkan ruang lingkup ajaran Islam selain daripada menggambarkan kecetekan fahaman terhadap maksud pembahagiannya menurut para ulama. Hakikatnya, dari segi hukum dan kedudukannya dalam Islam, tiada apa-apa perbezaan antara kedua-duanya. Pemisahan yang dibuat oleh para ulama itu sebenarnya wujud dari segi ilmiyah atau akademik sahaja, seperti yang dinyatakan oleh al-Ashqar (2001):

1. Al-ibadah menurut para fuqaha ialah satu amalan yang dilakukan secara *ta'abbudiyy* semata-mata. Ini bermakna, dalam bidang ibadat, manusia wajib mematuhi perintah Allah s.w.t. secara mutlak walaupun mereka tidak memahami maksud, sebab dan hikmahnya. Apabila diperintahkan Allah s.w.t., maka manusia mesti melaksanakan perintah tersebut tanpa perlu berosal jawab tentang hikmat dan faedahnya. Manusia mesti menunaikan hak kehambaannya kepada Allah s.w.t.. Ini berbeza dengan bidang muamalat yang dianggap sebagai sesuatu yang boleh difahami maksud dan hikmahnya atau dikenali sebagai *ma'qulat al-ma'ma'na*. Ertinya dalam bidang muamalat, manusia boleh memahami hikmah dan manfaat disebalik perintah Allah s.w.t.. Umpamanya apabila Allah s.w.t. mengharamkan arak dan judi, maka Allah s.w.t. menyebutkan:

إِنَّمَا يَرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ

Maksudnya:

Sesungguhnya syaitan menghendaki berlaku antara kamu permusuhan dan pertelingkahan dalam arak dan perjudian.

(al-Ma'idah: 91)

Ayat ini jelas dan mudah difahami bahawa pengharaman arak dan perjudian itu adalah kerana kedua-duanya boleh membawa kepada permusuhan sesama manusia, sesuatu yang sangat dilarang oleh syariat Islam.

2. Perbezaan kedua antara ibadat dan muamalat ialah ibadat merupakan sesuatu yang diasaskan oleh syarak sendiri dari segi bentuk, kaedah dan sebagainya. Manusia hanya perlu menerima dan melaksanakannya sahaja. Manusia langsung tidak boleh campur tangan dalam mengasaskannya. Bentuk-bentuk muamalat pula sebahagian besarnya direka dan difikirkan oleh manusia, mungkin telah wujud sebelum diwahyukan syariat Islam dan mungkin pada masa hadapan akan terdapat lebih banyak bentuk muamalat yang baru akan dicipta sesuai dengan perkembangan akal dan pencapaian teknologi manusia. Walau apa

bentuknya, syariat Islam tetap mengiktiraf mana-mana aktiviti muamalat yang dianggap berfaedah dan mendatangkan kebaikan serta bersih daripada unsur-unsur yang diharamkan kepada manusia dan melarang mana-mana aktiviti yang mendatangkan keburukan.

3. Perbezaan ketiga ialah untuk mengesahkan sesuatu ibadat, seseorang manusia perlu mengetahui bahawa ia sedang menunaikan perintah Allah s.w.t. dan ia melaksanakannya sebagai mematuhi perintah Allah s.w.t. secara ikhlas, manakala dalam muamalah, sesuatu perbuatan tetap dianggap sah walaupun tidak dengan niat bagi memenuhi perintah Allah s.w.t., cuma ia tidak mendapat pahala dari Allah s.w.t..

Ini adalah tiga perbezaan utama antara ibadat dan muamalat menurut para ulama. Walau bagaimanapun, ini adalah bersifat akademik semata-mata kerana ia tidak mempunyai apa-apa kesan dari segi kedudukannya di sisi hukum Islam. Sama ada ibadat atau muamalat, ia mesti dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t.. Jika seseorang melakukan ibadat sembahyang, maka ia mesti melakukannya mengikut syarat, peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t.. Kegagalan mematuhi syarat, peraturan dan garis panduan tersebut menjadikan ibadatnya tidak sah dan berdosa jika disengajakan untuk mempermudah perintah Allah s.w.t.. Begitu juga dalam melaksanakan aktiviti jual beli umpamanya, seseorang itu mesti mengikut syarat, peraturan dan garis panduan jual beli yang ditetapkan oleh Allah s.w.t.. Kegagalan berbuat demikian bukan sahaja menjadikan jual beli tersebut tidak sah, malah ia akan berdosa kerana mengambil dan memakan harta orang lain secara batil.

Berdasarkan perbincangan tentang konsep ibadat dan konsep kerja di atas, dapat dilihat dengan jelas hubungan antara ibadat dan kerja. Oleh kerana *al-din* itu sendiri termasuk dalam konsep ibadah dari segi kedudukannya, maka kerjaya juga boleh dimasukkan dalam kategori ibadah. Ini kerana *al-din* itu merupakan peraturan yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. kepada manusia bagi memberi panduan dalam semua aspek dan aktiviti hidup mereka. Kerjaya merupakan salah satu daripada aktiviti hidup manusia yang perlu dilaksanakan sepanjang hayatnya. Dengan itu ia mesti dilaksanakan mengikut garis panduan dan prinsip-prinsip yang ditetapkan supaya ia juga menjadi satu ibadat kepada Allah s.w.t..

Secara ringkasnya, dapat dinyatakan bahawa hubungan antara ibadat dengan kerja adalah hubungan umum dan khusus. Semua kerja atau profesion yang halal adalah ibadah, tetapi bukan semua ibadah adalah kerja atau profesion. Ini bermakna semua kerja yang tidak dilarang oleh Allah s.w.t. mendatangkan kebaikan kepada manusia, dilakukan dengan niat dan cara yang betul serta tidak melalaikan dari kewajipan asasi merupakan satu ibadah kepada Allah s.w.t.. Namun bukan semua ibadah itu merupakan kerja atau profesion umpamanya berzikir, tilawah, sembahyang dan sebagainya. Ini bermakna ibadah lebih umum manakala kerja atau profesion lebih khusus.

Kerja Sebagai Ibadat

Melakukan kerja atau mempunyai profesion tertentu untuk mencari nafkah merupakan sesuatu yang secara jelas diperintahkan oleh Allah s.w.t., malah Allah s.w.t. menggabungkannya dengan ibadat yang paling utama iaitu sembahyang dan berzikir. Firman Allah s.w.t:

فِإِذَا قَضَيْتُ الصَّلَاةَ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَادْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لِعِلْكُمْ تَفْلِحُونَ

Maksudnya:

Maka apabila kamu telah selesai sembahyang maka bertebaranlah di muka bumi dan carilah kunian Allah s.w.t. dan ingatlah Allah s.w.t. sebanyak-banyaknya mudah-mudahan kamu berjaya.

(al-Jumu'ah: 10)

Ayat di atas secara jelas memerintahkan manusia keluar bekerja mencari rezeki selepas melaksanakan kewajipan sembahyang dan pada masa yang sama perlu mengingati Allah s.w.t. dengan cara menjunjung segala titah-Nya dalam bentuk perintah yang perlu dilaksanakan dan larangan yang perlu ditinggalkan. Dalam keadaan ini maka bekerja mencari rezeki dan mencipta kekayaan untuk dinikmati adalah sebahagian daripada usaha memakmurkan alam yang turut diperintahkan oleh Allah s.w.t. dalam firman-Nya yang berbunyi:

هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Maksudnya:

Dia menjadikan kamu dari bumi dan memerintahkan kamu memakmurkannya.

(Hud: 61)

Allah s.w.t. bukan sahaja menyebutkan dan memerintahkan manusia mencari rezeki dan memakmurkan alam secara umum, malah dalam beberapa tempat al-Quran dan al-Sunnah menyebut secara khusus beberapa pekerjaan yang telah wujud pada masa lalu dan masih terus wujud dan penting pada zaman ini. Antaranya:

1. Tentang perindustrian; Allah s.w.t. menceritakan dengan pujian terhadap Nabi Dawud dalam firman-Nya yang berbunyi:

وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُدَ مِنَا فَضْلًا يَاجْبَالُ أَوْيَ مَعَهُ وَالظِّيرُ وَأَنْنَا لَهُ الْحَدِيدُ

Maksudnya:

Dan sesungguhnya telah kami berikan kepada Dawud kurniaan Kami, wahai bukit bertasbihlah bersama Dawud dan burung, dan kami telah melembutkan besi untuknya.

(al-Saba': 10)

Hal ini dijelaskan lebih lanjut dalam hadith yang berbunyi:

مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطَ خَيْرًا مِّنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِيهِ، وَإِنْ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ

Maksudnya:

Tiada makan seseorang apa-apa makanan yang lebih baik dari makanan yang diusahakannya dari tangannya sendiri dan Nabi Dawud makan hasil dari usaha tangannya sendiri.

(al-Bukhari 1991, no.2072)

2. Tentang pertanian; Rasulullah s.a.w. bersabda yang berbunyi:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرِعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَكَيْمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بَهْرَةٌ

صدقة

Maksudnya:

Tiada seseorang muslim yang bercucuk tanam kemudian dimakan oleh haiwan atau burung atau manusia melainkan baginya pahala sedekah.

(al-Bukhari 1991, no.2320)

Diceritakan bahawa pada satu hari seorang lelaki melihat Abu Darda', seorang sahabat Rasulullah yang sudah tua sedang menanam biji benih. Maka lelaki itu berkata, "masihkah engkau menanam benih tersebut sedangkan engkau sudah tua dan benih tersebut mengambil masa yang lama untuk berbauh?" Maka jawab Abu Darda', "apakah aku tidak mendapat pahala jika orang lain yang memakannya?"

(al-Qaradawi 1997)

3. Tentang perniagaan, Rasulullah s.a.w. bersabda yang berbunyi:

التاجر الصالح الأمين المسلم مع النبيين والصديقين والشهداء يوم القيمة

Maksudnya:

Peniaga yang benar, jujur bersama para nabi, siddiqin dan syuhada' pada hari kiamat nanti.

(al-Tirmidhi t.th., no.1130; al-Daruqutni, t.th., no.17)

Walaupun nas yang dinyatakan memfokuskan kepada tiga jenis pekerjaan ini sahaja, namun ini tidak bermakna profesion yang diiktiraf oleh Islam terhad kepada tiga profesion tersebut. Ketiga-tiga profesion yang disebutkan ini merupakan contoh sahaja kerana ia merupakan antara pekerjaan yang popular dalam kalangan manusia sejak dahulu lagi. Buktinya, walaupun tidak dinyatakan nas tentang penternakan, hakikatnya, baginda Rasulullah s.a.w. sendiri pernah mengusahakan ternakan kambing semasa zaman sebelum kenabiannya. Ini menunjukkan bahawa bidang pekerjaan yang diiktiraf oleh Islam sangat luas dan pekerjaan sebagai sumber rezeki itu sendiri mungkin berubah dari semasa ke semasa. Sesuatu yang tidak dianggap pekerjaan yang penting pada sesuatu masa, mungkin dianggap penting pada masa yang lain. Asas yang paling utama ialah apa-apa kerja yang mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada manusia dan tidak bercanggah pula dengan prinsip-prinsip asas akidah dan muamalah Islam maka ia sangat digalakkkan oleh syariat Islam.

Keluasan konsep ibadat dalam Islam yang meliputi semua aktiviti hidup sehari-hari manusia ini juga boleh dilihat dalam firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya:

Dan tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat.

(al-Dhariyat: 51)

serta sebuah hadith yang berbunyi:

اتق الله حيثما كنت، وأنفع السيدة الحسنة تمحها ، وحالق الناس بخلق حسن

Maksudnya:

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. di mana sahaja kamu berada, dan ikutilah kejahatan dengan keburukan yang akan menghapuskannya, dan berakhhlaklah kepada manusia dengan akhlak yang baik.

(al-Tirmidhi, t.th., no.1910)

Mafhum daripada kedua-dua ayat dan hadith ini memerintahkan manusia untuk sentiasa beribadat dan bertaqwa kepada Allah s.w.t. sepanjang masa dan di semua tempat. Jika ibadat dan taqwa itu difahami dalam erti kata yang sempit dan terhad kepada aktiviti ibadat yang asas atau khusus sahaja, maka sebahagian besar dari masa yang dilalui dalam hidup manusia tidak dipenuhi dengan ibadat dan taqwa kepada Allah s.w.t.. Ini kerana manusia hanya memperuntukkan beberapa jam sahaja dalam 24 jam kehidupannya sehari semalam untuk bersembahyang, berzikir dan bertilawah. Selebihnya, manusia perlu keluar bekerja untuk memenuhi keperluan dirinya dan

tanggungannya. Jika bekerja tidak dianggap ibadat, maka hampir semua manusia gagal mematuhi tujuan utama kehidupan mereka di muka bumi. Kerana itu, pengertian konsep ibadat dan taqwa seperti yang dikehendaki Islam adalah luas meliputi semua bentuk ketaatan dan kepatuhan kepada Allah s.w.t. sama ada di masjid, di tikar sembahyang, di jalan raya, di pasar, di kilang atau di mana sahaja. Al-Qaradawi (1999) menyatakan:

Bukanlah maksud ibadat-ibadat asasi – baik yang wajib mahupun yang sunat – bahawa seseorang muslim itu berhubungan dengan Penciptanya dalam beberapa waktu sahaja ketika mengerjakan ibadat-ibadat tersebut dan kemudian ia terungkai dari ikatan dengan-Nya selepas itu, mengadap dunia sepenuhnya dan mengikut hawa nafsunya. Sesungguhnya matlamat ibadat-ibadat tersebut ialah untuk menanam dalam sanubari muslim roh ketakwaan kepada Allah s.w.t., untuk menganugerahkannya dengan bisikan rohani yang sentiasa mengingatkannya kepada Allah s.w.t. apabila ia terlalai, dan menguatkan keazamannya tatkala ia lemah dan meninjau jalannya tatkala terpadam lampu petunjuk di sekelilingnya. Islam tidak meredai bahawa seseorang muslim itu menjadi *rabbaniyy* ketika berada di masjid, namun bertukar menjadi *hayawaniyy* atau *syaitaniyy* ketika di luar masjid. Sesungguhnya Islam mahukan penganutnya mempunyai hubungan yang kekal dengan Tuhanya baik di masjid, di jalan, di rumah dan di tempat kerja.

Kerja atau profesion yang dilakukan oleh seseorang individu untuk mencari nafkah diri dan tanggungannya merupakan satu ibadat yang tinggi nilainya di sisi Islam malah dianggap sebagai salah satu bentuk jihad oleh Rasulullah s.a.w.. Dalam satu hadith dicatatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah membentulkan salah anggapan para sahabatnya terhadap hubungan antara pekerjaan mencari nafkah untuk diri dan tanggungan dengan jihad pada jalan Allah s.w.t. (*fi sabillah*). Hadith tersebut berbunyi:

وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ "صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ" جَالِسًا مَعَ أَصْحَابِهِ فَمَرَأَ شَابًّا ذُو صَحَّةٍ حَيْدَةً، فَقَالُوا لَهُ كَانَ هَذَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَا يَدْرِيكُمْ أَنَّهُ لَيْسَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ إِنَّ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى وُلْدَهُ صَغِيرًا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى أَبْوَيْنِ شَيْخِيْنِ كَبِيرِيْنِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى نَفْسِهِ يَعْفُهَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى رِيَاءً وَمَفَارِحَةً فَهُوَ فِي سَبِيلِ الشَّيْطَانِ

Maksudnya:

Pada satu waktu seorang lelaki yang kuat bekerja melintasi Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya, lalu mereka berkata “Ya Rasulullah, alangkah baiknya jika ia bekerja pada jalan Allah s.w.t., maka jawab baginda, “jika ia bekerja untuk menyara anaknya yang masih kecil maka ia pada jalan Allah s.w.t., jika ia bekerja kerana menyara kedua ibu bapanya yang sudah tua, maka ia pada jalan Allah s.w.t., jika ia bekerja kerana menyara kehidupannya sendiri maka ia pada jalan Allah s.w.t., tetapi jika ia bekerja untuk riya’ dan membangga diri maka ia pada jalan syaitan.

(al-Bayhaqi 1355H)

Oleh kerana setiap pekerjaan untuk nafkah diri sendiri dan tanggungan itu merupakan ibadah, maka Islam menganggap setiap nafkah yang dibelanjakan ke atas tanggungannya merupakan sedekah yang diberi pahala oleh Allah s.w.t.. Sabda baginda berbunyi:

إِنَّكُمْ لَنْ تَنْفَقُنَّ نَفْقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أَجْرَتْ عَلَيْهَا، حَتَّىٰ مَا تَجْعَلُ فِي فِيمَا ارْمَأْتُكُمْ
(Bukhari 1991, no.56)

Maksudnya:

Bahawa engkau tidak membelanjakan hartamu bagi mencari wajah Allah s.w.t. melainkan diberikan pahala atas nafkah engkau termasuklah atas apa yang engkau belanjakan bagi isterimu”

Malah keluasan skop ibadat dalam Islam ini lebih jauh dari usaha mencari rezeki dalam bentuk makanan dan minuman fizikal. Rasulullah s.a.w. juga memasukkan orang yang memenuhi

syahwatnya secara halal antara suami dan isteri dalam kategori ibadah yang diberikan ganjaran pahala oleh Allah s.w.t..

قال صلى الله عليه وسلم في بعض أحدكم صدقة قالوا يارسول الله، أيأتي أحدنا شهوة ويكون له فيها أجر؟ قالرأيتم لو كان وضعها في حرام أكان عليه وزر؟ فكذلك إن وضعها في الحلال كان له أجر

Maksudnya:

Rasulullah bersabda pada kemaluan setiap kamu itu sedekah, para sahabat bertanya, adakah jika kami memenuhi syahwat kami itu ada pahala? Lalu baginda bertanya "bukankah kalau ia memenuhi syahwatnya secara haram ia akan mendapat dosa? Mereka menjawab, "bahkan", maka baginda bersabda "demikian juga jika ia memenuhinya secara halal ia mendapat pahala.

(Muslim 1929, no.1006)

Galakan Islam kepada kerja dan keluasan skop ibadat tersebut boleh dilihat dengan lebih jelas apabila diriwayatkan bahawa baginda Rasulullah s.a.w. tidak menyukai tabiat meminta-minta daripada orang lain melalui hadithnya yang berbunyi:

لَأَنَّ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ فَيَأْتِيَ الْجَبَلَ فَيَجِدُهُ بَحْرَمَةً الْحَطَبِ عَلَى ظَهِيرَهِ فَيَبْيَعُهَا فَيَكُفُّ اللَّهُ بِمَا وَجَهَهُ، خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ أَعْطَوْهُ أَوْ مَنَعُوهُ

Maksudnya:

Bahawa seseorang dari kamu mengambil tali dan pergi ke bukit dan kembali dengan seberkas kayu api di atas belakangnya lalu menjualnya dan dengan itu Allah s.w.t. memelihara air mukanya itu lebih baik daripada ia meminta-minta dari manusia sama ada mereka memberi atau tidak kepadanya.

(al-Bukhari 1991, no.2074)

Dalam hal ini (al-Qaradawi: 2002) memetik kata-kata al-Raghib al-Isfahani yang bermaksud:

Bekerja mencari rezeki di dunia walaupun dianggap sebagai harus dari satu segi, namun dari segi yang lain ia daripada perkara yang wajib kerana manusia tidak dapat bebas melakukan ibadat (yang wajib) kecuali dengan memenuhi keperluan hidupnya terlebih dahulu, maka memenuhi keperluan hidup tersebut juga menjadi wajib.

Ibadat dan Kerja: Antara Keseimbangan dan Kesepadan

Perbincangan di atas menghujahkan bahawa kerja atau profesion yang dilakukan oleh setiap individu untuk mencari nafkah bagi diri sendiri dan tanggungannya serta memberi manfaat kepada masyarakat merupakan satu ibadah dalam Islam. Dengan itu, apakah kerja dan ibadah itu perlu diseimbangkan atau kedua-duanya perlu disatukan? Keseimbangan dalam konteks ibadah dan kerja, memberi maksud bahawa ibadah dan kerja merupakan dua perkara yang berbeza, namun individu muslim mesti memberikan perhatian yang sama dari segi masa dan sebagainya kepada kedua-dua aspek tersebut untuk menyeimbangkannya. Ini kelihan bercanggah pula dengan perbincangan di atas yang menghujahkan bahawa kerja merupakan sebahagian dari ibadah dalam Islam jika dilakukan dengan cara dan syarat yang betul.

Berdasarkan perbincangan di atas istilah kesepadan adalah lebih tepat. Ini kerana kesepadan memberi maksud sesuatu yang sama dan tidak boleh dipisahkan. Dalam konteks hubungan antara ibadat dan kerja, ia memberi maksud bahawa ibadat dan kerja atau profesion merupakan satu perkara yang sama, sepadu serta tidak boleh dipisahkan. Walau bagaimanapun, konsep kesepadan ini pula boleh menimbulkan kekeliruan yang membawa kepada pengabaian

amalan ibadat asasi dan mengutamakan urusan kehidupan dunia semata-mata atas alasan semua yang dilakukan di atas dunia dengan niat yang betul merupakan ibadat kepada Allah s.w.t.. Dengan itu tidak perlulah lagi melakukan ibadat-ibadat asasi dan sunat seperti yang disebutkan oleh Allah s.w.t. dan rasul-Nya.

Bagi mengelakkan kekeliruan ini, perlu difahami bahawa pembahagian ibadat kepada ibadat asasi, ibadat khusus dan ibadat umum itu bukan sekadar pembahagian akademik yang tiada apa-apa hubungan dengan skima hukum dan senarai keutamaan. Pembahagian tersebut mempunyai kesan hukum yang tersendiri. Ibadat yang tergolong dalam kategori ibadat asasi dan khusus terutamanya rukun Islam yang lima tersebut mesti selama-lamanya diberikan keutamaan. Tiada erti dan nilainya sesuatu ibadat umum jika mengabaikan ibadat asasi tersebut. Selain itu, hukum syarak yang menyentuh semua aktiviti kehidupan manusia di dunia ini tidak terlepas dari lima hukum iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Malah wajib itu sendiri terbahagi kepada wajib ‘ainiy dan wajib kifa’iy.

Oleh itu dalam meletakkan keutamaan antara amalan dan aktiviti hidup, maka kedudukan setiap amalan dalam skima hukum syarak mesti difahami. Apabila berlaku pertembungan antara yang wajib dengan sunat apakah lagi dengan harus, maka yang wajib perlu diutamakan. Begitu juga antara wajib ‘ainiy dengan wajib kifa’iy, maka wajib ‘ainiy mesti diutamakan. Terdapat konteks tertentu ibadat umum yang wajib dan mustahak mesti didahulukan daripada ibadat khusus yang sunat. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. pernah menolak kecenderungan Ibn ‘Umar yang dilihat telah *mubalaghah* atau keterlaluan dalam ibadat khusus yang sunat seperti berpuasa, berjaga malam dan berzikir. Lalu Rasulullah s.a.w. mengembalikannya kepada jalan pertengahan dengan sabdanya yang berbunyi:

صم وافطر وقم ونم فان جلسنك عليك حقا وان لزوجنك عليك حقا
وان لزورك عليك حقا

Maksudnya:

Hendaklah kamu puasa dan hendaklah kamu makan, hendaklah kamu berjaga malam dan dan hendaklah tidur, sesungguhnya bagi badanmu ke atas mu ada hak (dari segi kerehatan), bagi mata kamu keatas kamu ada hak, bagi isteri kamu ke atas kamu ada hak (dari segi kasih sayang dan nafkah), bagi tetamu kamu ke atas kamu ada hak(dari segi layanan dan kemuliaan).

(al-Bukhari 1991, no.5199)

Syarat-Syarat Menjadikan Kerja Sebagai Ibadat

Seperti yang disebutkan bahawa semua kerja dan profesion manusia boleh menjadi ibadat. Namun ini tidak bermaksud bahawa semua aktiviti manusia secara automatik menjadi ibadat tanpa sebarang syarat. Terdapat beberapa syarat yang mesti dipenuhi untuk menjadikan sesuatu aktiviti seharian manusia sebagai ibadat yang diberikan ganjaran pahala oleh Allah s.w.t..

1. Kerja atau profesion yang tidak bercanggah dengan syariat Islam
Untuk menjadikan sesuatu aktiviti hidup sebagai ibadat, ia mesti tidak bercanggah dengan syariat Islam. Jika bercanggah sama ada secara langsung atau tidak langsung, maka ia tidak mungkin menjadi ibadat.
2. Niat yang betul
Sesuatu aktiviti seharian yang tidak termasuk dalam ibadat asasi atau khususi, telah dianggap sah walaupun tanpa niat beribadat kepada Allah s.w.t.. Namun untuk menjadikannya satu ibadat yang diberikan ganjaran pahala, maka ia mesti diniatkan sebagai bertujuan beribadat kepada Allah s.w.t.. Kerana itulah para fuqaha’ telah

meletakkan satu kaedah yang berbunyi "niat itu mengubah sesuatu amalan dari 'ada kepada ibadah" (al-Suyuti 1983).

3. Tidak melalaikan dari kewajipan asasi yang lebih utama
Sesuatu aktiviti muamalat harian tidak mungkin menjadi ibadat jika ia menyebabkan terlalai dari pelaksanaan kewajipan asas yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.. Meninggalkan sesuatu kewajipan asasi merupakan sesuatu yang diharamkan. Para fuqaha' telah meletakkan kaedah bahawa sebarang aktiviti yang membawa kepada perkara yang diharamkan, maka aktiviti tersebut juga dihukumkan haram.
4. Melakukan sesuatu muamalah atau kerja dengan sempurna
Sesuatu ibadat hanya dianggap sebagai ibadat jika dilakukan dengan penuh komitmen, kesungguhan, kesedaran dan kesempurnaan. Ini termasuk dalam pelaksanaan ibadat yang asas seperti sembahyang, puasa dan sebagainya. Seseorang yang bersembahyang diwajibkan melakukannya dengan penuh khusuk, komited, penuh penumpuan dan penuh kesempurnaan dari segi syarat-syarat sah dan sebagainya. Sembahyang tidak boleh dilakukan secara sambil lewa. Ia mesti dilakukan dengan penuh tekun dan sempurna seolah-olah kita sedang melihat Allah s.w.t. atau Allah s.w.t. melihat kita. Begitu juga dalam pelaksanaan kerja sehari-hari. Ia mesti dilakukan dengan penuh kesempurnaan dan ketekunan serta memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan. Rasulullah s.a.w. bersabda yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلْتُمْ كُمْ عَمَلاً أَنْ يَنْتَهِ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah s.w.t. menyukai apabila seseorang bekerja ia memperelokkan kerjanya.

(al-Bayhaqi, t.th., 334)

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas jelas bahawa Islam merupakan satu cara hidup yang seimbang dan sangat praktikal. Ia tidak melihat kebaikan dan ibadat sebagai satu konsep yang sempit dan terbatas. Malah, ia melihat semua aktiviti hidup manusia yang memberikan kebaikan dan kebahagiaan kepada mereka adalah juga ibadat yang diberikan ganjaran pahala. Inilah kesyumulan sistem Islam yang membezakannya daripada agama-agama lain ciptaan manusia. Ia menolak sama sekali fahaman sekularisme yang membezakan antara agama dengan urusan keduniaan. Malah dalam Islam, urusan dunia mesti dilaksanakan mengikut garis panduan Islam. Ini kerana tiada urusan di dunia ini yang terlepas dari kaca mata garis panduan Islam. Baik amalan manusia di dunia, maka baik balasannya di akhirat nanti dan begitu juga sebaliknya. Kefahaman yang sahih dan syumul terhadap konsep dan tasawwur ibadat, adat dan kerja menurut Islam ini boleh menjadi penghalang dalaman kepada sikap yang salah dan negatif terhadap tanggungjawab melaksanakan kerja sehingga mengakibatkan penghasilan mutu kerja yang rendah dan tidak berkualiti. Pada masa yang sama ia menjadi pemangkin kepada sikap yang positif dan mampu membawa hasil kerja yang tinggi produktiviti dan kualitinya.

Bibliografi

- Abdul Halim El-Muhammady. 1994. Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 7: 7-11.
Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Ashqar, 'Umar Sulayman. 2001. *al-Niyyat fi al-'Ibadat*. Amman: Dar al-Nafa'is.

- al-Attas, Muhammad Naguib Syed. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad ibn al-Husayn ibn Ali. 1355H. *Al-Sunan al-Kubra*. Hyderabad: al-Ma'rif al-Nu'maniyyah.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail. 1991. *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Crystal Joan Peter, Rohana Hamzah & Amirmudin Udin. 2011. The impact of dualism in education on sustainable development through TVET. *Journal of Edupres*, 1 (September): 23-28.
- al-Daruqutni, 'Ali ibn 'Umar ibn Ahmad ibn Mahdi. t.th. *Sunan al-Daruqutni*. Delhi: Tab'at Delhi
- Ghazali Basri. 1986. Pendidikan Islam: Cabaran pelaksanaannya dan peranan guru. *Jurnal Pendidikan Islam*, 4: 15-27.
- Haslinda binti Hassan. 2000. Sekularisme: Sejarah kelahiran dan kesannya terhadap peradaban Islam dengan penumpuan terhadap serangan pemikiran. Dissertasi Sarjana. Universiti Malaya.
- Ibn Manzur. 1999. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Abidin. 1980. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad Abdul Halim. 1387H. *al-'Ubudiyyah*, t.t.p.: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Kamus Dewan. 2005. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Mawdudi, Abu al-A'la. t.th.. *al-Mustalahat al-Arba'ah fi al-Qur'an*. t.t.p.: Dar al-Furqan.
- Muslim, Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qushairi. 1929. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah.
- al-Nabhani, Taqyuddin. 1953. *Nizamul-Islam*. Beirut: Dar al-Ummah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2002. *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1999. *Al-Khasa'is al-'Ammah li al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1997. *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1993. Ibadah dalam Islam. Terj. Abu Asma Anshari. Kuala Lumpur: Pustaka Shuhada.
- Shaltut, Mahmud. 1966. *Al-Islam: 'Aqidah wa Shari 'ah*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- al-Suyuti, Jalaluddin Abd Rahman. 1983. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa. t.t. *Sunan al-Tirmidhi*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Halabi
- Zainal Abidin Haji Abdul Kadir. 1993. Reformasi pendidikan Islam di sekolah: Matlamat dan harapan. Dlm. Ismail Ab Rahman, Abdul Aziz @ Ahmad Mohd, Mohd Yasin Muda (pnyt.). *Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

ATIKULLAH HJ. ABDULLAH
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.
Emel: atik@usm.my